


Patriot

Majalah Kementerian Pertahanan



Budaya
INTEGRITI
DEFENDER

Keutamaan MinDef

dalam isu ini

29

**MINDEF CEMERLANG PADA
ANUGERAH INOVASI
SEKTOR AWAM
2016**



26

**Hari Sukan
Negara**



20

**Majlis
Pelancaran Pesawat
*Pilatus PC-7***



49

**Program Siri
Terapi
Alternatif**

02 Isi Kandungan **03** Terima Kasih Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin **04** Sidang Redaksi / Kata Aluan Editor **05** Pelancaran Bulan Integriti **06** Integriti vs Rasuah **08** Sekitar Pertandingan Sudut Integriti MinDef **10** Sambutan Hari Kebangsaan ke 59 **11** Kempen Tabung Pahlawan **12** Konvensyen Kebangsaan Usahawan Veteran ATM **13** Penghantaran Kumpulan Malaysian Battalion 850-4 ke Lubnan **14** Lawatan Timbalan Menhan Ke Lubnan **16** Istiadat Perbarisan Penghargaan PAT di Sg. Besi • Majlis Malam Bingkisan Kenangan PAT **17** Program Siri Terapi Alternatif **18** ASEAN Navy Chiefs Meeting di Wisma Perwira ATM **20** Majlis Pelancaran Pesawat Pilatus PC-7 **22** Karnival Usahawan Veteran ATM **23** Sime Darby Plantation teruskan kerjasama dalam Train & Place **24** Perkhidmatan Pengujian Electromagnetic Compatibility (EMC) Di Institut Penyelidikan Sains Dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) **26** Hari Sukan BSKN **27** Hari Sukan Negara **28** Anugerah Pejabat Terbaik 2016 **29** MinDef Cemerlang Pada Anugerah inovasi Sektor Awam 2016 **30** PLKN 2.0 **32** Lawatan KSU Ke Sarawak **33** Perasmian Bangunan MIDAS **36** Santapan Rohani **39** Program 'Walk For Peace' **40** Motivasi **42** Jom Grooming **44** Kesihatan **46** BAKAT **47** Puspanita **48** Panglima Tentera Darat ke-26, Tahniah Jeneral Datuk Seri Zulkiple Kassim **49** Perbarisan Persaraan Panglima Tentera Udara ke-17, Ybhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Roslan bin Saad TUDM **51** Tahukah Anda?

Terima Kasih

JENERAL TAN SRI ZULKIFELI MOHD ZIN!

- Dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada 14 Jun 1954
- Batalion Kedua RAMD unit pertama disertai sebagai Ketua Platun pada 9 Ogos 1974
- Dilantik sebagai Panglima Tentera Darat ke-25 pada 21 Mei 2010
- Mempunyai dua anak perempuan
- Hobi membaca dan bermain golf

Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin diraikan dalam upacara penuh istiadat ketenteraan, sempena persaraannya pada Majlis Perbarisan Penghargaan Panglima Angkatan Tentera (PAT) ke-18 di Dataran Panglima Tentera Darat di Kem Perdana Sungai Besi dekat sini semalam. Beliau yang tiba pada jam 8.30 pagi bersama isteri, Puan Sri Umi Kalsom Wan Awang, diberi tabik hormat sebelum memeriksa perbarisan membabitkan 33 pegawai dan 538 anggota lain-lain pangkat serta 15 panji rejimen.

4 helikopter bawa bendera ATM, TDM, TLDM, TUDM turut buat penerbangan lintas hormat.

Zulkifeli yang menyertai ATM sejak 44 tahun lalu adalah Panglima Tentera Darat (PTD) Ke-25, sebelum dilantik sebagai PAT ke-18 pada 15 Jun 2011. Beliau akan bercuti selama enam bulan, sebelum bersara wajib pada 14 Jun 2017. Tempat beliau diambil alih PTD, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affendi Raja Mohamed Noor selaku PAT Ke-19, dengan majlis serah terima tugas dijadualkan berlangsung hari ini dengan disaksikan Menteri Pertahanan, Datuk Hishammuddin Hussien.





Sidang Redaksi Patriot

Penaung

Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia

Penasihat

Pn. Adreena bt Abdul Majid
Ketua Komunikasi Strategik

Ketua Editor 1

En. Aszahari bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Komunikasi Strategik

Ketua Editor 2

Mejar Setia Perwira bin Mohd Wazir
Ketua Tadbir UKS

Editor

En. Ameer Rithauddin bin Roslan

Tim Redaksi

Sjn (U) Azlan bin Arshad
Mohd Tahiruddin Hamzani
Dayang Norafema Bt Awang Ismail
Nur Hamizah Bt Mohamed
Fatin Ilya Natasya Bt Hamzah (Pelatih Industri)
Khairiah Bt Said (Pelatih Industri)

Penulis Tamu

Mej. Mohd Ramizi bin Ramli
Ketua Unit Penerbitan Jabatan Arah KAGAT

Foto

Tim Jurufoto UKS

BM TNL Zulkifle bin Mohamad
Kpl U Mohd Fahmi bin Nawi
Sjn Khairil Anuar bin Zhali
Kpl Nur Haslinda bt Zakaria

Dari Meja
Editor

BUANG YANG KERUH, AMBIL YANG JERNIH-JERNIH SAJA...

Tahun 2016 baru saja meninggalkan kita. Pelbagai babak dramatik yang terjadi pada diri dan penugasan kita sepanjang tahun. Ada yang manis dan ada juga yang pahit, masin, masam... Jadikanlah setiap apa yang berlaku itu satu iktibar dan motivasi untuk kita menjadi lebih baik pada tahun 2017. Terapkan nilai positif dalam diri kita. Tingkatkan lagi semangat dan komitmen kita dalam melaksanakan setiap tugas dan amanah. Integriti kita jadikan budaya dalam setiap proses kerja. Perbaiki setiap kelemahan dan lapangkan hati untuk menerima setiap teguran. Arahan yang kita terima kita laksanakan dengan sebaiknya. Buktiakan pada semua yang kita juga boleh menjadi seorang kakitangan yang berkualiti kepada agensi.

Integriti adalah tentang sikap positif dalam diri kita. Jika kita AMANAH, JUJUR, BERTANGGUNG JAWAB, RAJIN, BERDEDIKASI dan POSITIF, kita mampu elakkan diri kita dari terlibat dengan salah laku seperti RASUAH, PECAH AMANAH, KERJA TANGKAP MUAT, MALAS, INGKAR PERINTAH, AMBIL KESEMPATAN, PENTINGKAN DIRI SENDIRI dan macam-macam lagi yang negatif. Justeru, bersempena dengan tahun baru 2017 ini, jom sama-sama kita tingkatkan prestasi diri kita bagi menjadikan Kementerian Pertahanan ini lebih cemerlang dan terus gemilang! Yeah, MinDef Boleh!!!

PELANCARAN PROGRAM INTEGRITI TAHUN 2017

BULAN INTEGRITI



Pada 28 November 2016 lalu, Kementerian Pertahanan telah melancarkan Bulan Integriti Peringkat Kementerian Pertahanan yang telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan Dato' Sri Mohd Johari Baharum di auditorium Wisma Pertahanan.

Pelbagai aktiviti telah diadakan di antaranya seperti pertandingan sudut integriti oleh setiap Bahagian dan agensi di Wisma Pertahanan. Mereka harus menyediakan satu sudut Integriti yang berfungsi sebagai paparan maklumat lengkap kepada semua kakitangan. Matlamat pertandingan ini adalah untuk menggalakkan seluruh kakitangan memahami objektif bulan Integriti ini dilaksanakan seterusnya melibatkan diri dalam acara-acara yang telah disediakan.



INTEGRITI VS RASUAH

APA ITU RASUAH? Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan upah, diskau.

Sebagai contoh, seorang kontraktor telah menghadiahkan seutas jam tangan kepada seorang pegawai kerajaan kerana telah meluluskan projek kepada syarikat milik kontraktor berkenaan. Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694), terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu:

1. Meminta/Menerima rasuah [seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009]
2. Menawar/Memberi suapan [seksyen 17(b) Akta SPRM 2009]
3. Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18 Akta SPRM 2009]
4. Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam [Seksyen 23 Akta SPRM 2009]

Gagal Melapor

1. Gagal melapor pemberian, janji atau tawaran rasuah

- Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009
- DENDA : Tidak lebih RM100,000
- PENJARA : Tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali

2. Gagal melapor permintaan atau memperoleh suapan

- Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009
- DENDA : Tidak lebih RM10,000
- PENJARA : Tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali

Pencegahan

Pencegahan merupakan salah satu daripada strategi serampang tiga mata SPRM berdasarkan kepada Seksyen 7 Akta Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan terdiri dari tiga bahagian utama iaitu Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam dan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi.

Panduan Memberi Maklumat Yang Berkesan

1. Pastikan maklumat yang diberi adalah di bawah bidang kuasa SPRM. SPRM hanya boleh bertindak ke atas maklumat yang di bawah bidang kuasanya.
2. Memberikan maklumat yang menjurus dan tidak terlalu umum. Kumpulkan maklumat dan sampaikan isi penting seperti :
3. Sertakan nama dan maklumat perhubungan anda. SPRM menerima maklumat dari pemberi maklumat yang tidak dikenali, tetapi adalah lebih baik sekiranya kami dapat menghubungi semula anda bagi membantu kami bertindak dengan cepat dan lancar. SPRM tidak dapat bertindak ke atas banyak maklumat yang tiada maklumat perhubungan. Anda juga boleh mengetahui status maklumat anda melalui Sistem Pengurusan Aduan sekiranya anda menyertakan nama dan maklumat seperti emel atau nombor telefon mudah alih.
4. Jangan khuatir. Anda dilindungi. Pemberi maklumat akan dilindungi mengikut Akta SPRM 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.



Pengurusan Maklumat Rasuah SPRM

1. Maklumat akan melalui proses saringan bagi mengenalpasti :
 - Maklumat yang berunsur rasuah atau tidak.
 - Maklumat yang boleh diambil tindakan atau tidak.
 - Orang yang ditorahmah boleh dikesan/ dikenalpasti atau tidak
2. Selepas proses saringan, maklumat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dan di bawah kuasa SPRM akan dibentangkan di dalam Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) bagi menentukan tindakan lanjut. JMM yang diadakan setiap hari dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi SPRM dan dianggotai oleh Pengarah-Pengarah Bahagian tertentu.

Nilai-nilai integriti

Amanah

Boleh dipercayai dan jujur semasa menuaikan sesuatu pekerjaan

Bertanggungjawab

Sentiasa memikul sesuatu tugas dengan penuh tanggungjawab dan berkewajipan

Ikhlas

Melaksanakan tanggungjawab dengan jujur, suci hati dan rela hati tanpa mengharap sebarang balasan

Dedikasi

Rela melunaskan sesuatu pekerjaan dengan penuh kesungguhan dan komitmen yang tinggi

Sederhana

Mengamalkan sikap tidak keterlaluan dan tidak menyukarkan diri sendiri maupun orang lain.

Tekun

Mesti menunjukkan sikap kerajinan, kesungguhan dan beretika tinggi dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan

Bersih

Sentiasa mengamalkan sikap rohaniah dan jasmaniah yang murni bagi menghasilkan tindakan yang baik dan suci.

Berdisiplin

Komitited, tertib serta mengikut peraturan dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Bekerjasama

Mempraktikkan amalan kerja berpasukan dan permuafakatan demi mencapai matlamat bersama.

Berbudi mulia

Memupuk pengamalan sikap dan tindakan yang suci dan berpaksikan kepada keadilan serta kebaikan masyarakat umum.

Apakah kaitannya Integriti dengan Rasuah?

Apabila seorang individu atau kakitangan itu memiliki nilai-nilai integriti yang tinggi maka sudah pasti dia tidak akan melakukan apa-apa kesalahan serta melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang. Dia juga tidak akan melibatkan diri dengan gejala rasuah dan sentiasa menjauhi jenayah kolar putih ini. Dia juga merupakan salah seorang yang akan turut bekerjasama dengan pihak berkuasa (SPRM) bagi membanteras gejala ini dan tidak akan bersubahat bagi mana-mana pihak yang terlibat dengan RASUAH.



Sekitar PERTANDINGAN SUDUT INTEGRITI MINDEF





Antara hasil kerja kreatif bahagian-bahagian yang menyertai pertandingan Sudut Integriti!



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE 59

Penglibatan dalam Perbarisan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2016 lalu merupakan satu pengalaman indah dan manis buat setiap mereka yang menyertainya. Kelihatan wajah-wajah Kontinjen BAKAT ATM, PUSPANITA MinDef dan ATM begitu bersemangat, ceria dan berjiwa patriotik.



KEMPEN

TABUNG PAHLAWAN

2016



HULURKAN SUMBANGAN ANDA

CIMB 8602-700-401

PERSATUAN VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

MBB 564717521826

**D E M I P E R W I R A K U
SEKECIL MANAPUN, BESAR PENGERTIANNYA**

ANURAN



KIRIATAMA



KUMPULAN UTUSAN



RAKAN STRATEGIK



3,329 veteran ATM hadiri Konvensyen Kebangsaan Usahawan Veteran ATM



Seramai 3,329 veteran ATM hadir ke Konvensyen Kebangsaan Usahawan Veteran ATM yang berlangsung pada 16 - 17 Ogos 2016, dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd Johari Baharum, di PWTC.

9 resolusi berjaya dicapai hasil daripada konvensyen itu, yang perlu dilaksanakan PERHEBAT dengan kerjasama rakan strategik antaranya MINDEF, JHEV dan PVATM.

Bertemakan "Memperkasa Usahawan Veteran ATM" ia merupakan konvensyen yang pertama kali dianjurkan di Malaysia, khas buat usahawan veteran ATM dan mempunyai 5 aktiviti; Seminar dan Karnival Usahawan Veteran ATM, Pertukaran MoU antara PERHEBAT, Perbadanan Nasional Berhad, Jobs Malaysia, Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit dan TEKUN Corporation Sdn Bhd, pelancaran Alumni PERHEBAT dan Pelancaran Dokumentari Usahawan Veteran ATM.



Penghantaran Kumpulan Pertama Malaysian Battalion 850-4 Ke Lubnan Pada 7 September 2016

Majlis Pemakaian Beret PBB, Penyerahan Bendera Malaysia dan Penghantaran Kumpulan Pertama MALBATT 850-4 disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Y.B. Dato' Sri Mohd. Johari bin Baharum. Majlis tersebut diadakan pada 7 September 2016 (Rabu), jam 3.30 petang bertempat di Balai Pergerakan Udara, Pangkalan Udara Subang.

MALBATT 850-4 telah menjalani latihan khusus selama 3 bulan yang merangkumi sebulan latihan perkhidmatan tunggal dan 2 bulan latihan integrasi atau Force Integration Training (FIT) di bawah kawal selia Markas Angkatan Bersama bertempat di Perkampungan MALBATT, Port Dickson, Negeri Sembilan mulai 6 Jun hingga 12 Ogos 2016. MALBATT 850-4 telah bersedia diaturgerakkan ke Lubnan bagi menggantikan MALBATT 850-3 yang akan menamatkan misi United Nations Interim Force In Lebanon (UNIFIL) pada 15 September 2015 setelah berkhidmat 12 bulan.

MALBATT 850-4 dengan keseluruhan anggota berjumlah 850 anggota terdiri dari 76 pegawai dan 774 anggota lain-lain pangkat (LLP) termasuk 2 pegawai dan 28 anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta seorang pegawai awam kewangan dari Kementerian Pertahanan. MALBATT 850-4 ini akan diatur gerak ke Lubnan secara berperingkat dan melibatkan 4 peringkat penghantaran.

Penghantaran Kumpulan Pertama melibatkan seramai 215 orang dan diketuai oleh Komander MALBATT 850-4, Kolonel Nazim bin Mohd Alim bersama 55 Pegawai dan 160 anggota LLP termasuk seorang pegawai dan 4 anggota dari ABDB.

Penghantaran Kumpulan Ke-2 MALBATT 850-4 akan dilaksanakan pada 14 September 2016 ini, Kumpulan Ke-3 pada 20 September dan penghantaran Kumpulan Ke-4 pada 26 September.

Majlis Pemakaian Beret PBB diadakan secara simbolik dan dipakaikan kepada Komander MALBATT 850-4, wakil ketiga-tiga perkhidmatan (TDM, TLDM, TUDM), wakil ABDB, wakil anggota wanita dan anggota lain-lain pangkat (LLP) ATM.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Panglima Angkatan Tentera, Panglima- panglima Perkhidmatan, Penasihat Pertahanan Brunei Darussalam dan Pegawai-pegawai Kanan ATM.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Mejar Mohammad Shaharil Nizzam bin Basiron TUDM, Pemangku Pengarah Bahagian Hal Ehwal Awam MK AB di talian 019-2133114.

(Sumber: Sel Hal Ehwal Awam, Markas Angkatan Bersama, Kementerian Pertahanan)






Sekitar

Lawatan

TIMBALAN MENHAN Ke LUBNAN





ISTIADAT PERBARISAN PENGHARGAAN PAT DI SG. BESI



MAJLIS MAKAN MALAM BINGKISAN KENANGAN PAT



Program Siri Terapi Alternatif

Cawangan Pengurusan Psikologi MinDef



- Program siri terapi alternatif adalah untuk memperkenalkan terapi alternatif sebagai salah satu medium dalam proses terapi.
- Dikendalikan oleh Cawangan Pengurusan Psikologi, Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Diadakan di Sudut Informasi, Foyer Wisma Pertahanan.
- Satu sesi mengambil masa selama 2 jam untuk satu kumpulan, anggaran 8 hingga 15 orang satu kumpulan.
- Kumpulan sasaran:
Kakitangan Kementerian Pertahanan Malaysia

Definisi Terapi Alternatif

- Pendekatan berbeza daripada terapi konvensional yang hanya melibatkan komunikasi verbal antara terapis dan klien.
- Menggunakan medium pengantara dalam komunikasi seperti lukisan, muzik, tarian, lakonan, alat mainan, dan lain-lain.
- Kelebihan:
 - Membantu klien berekspresi lebih mendalam berbanding dengan perkataan.
 - Mengeluarkan isu di dalam minda separa sedar klien.
 - Pendekatan alternatif kepada klien yang tidak dapat mengekspresikan isu mereka dengan perkataan disebabkan keterbatasan verbal. (Kanak-kanak, individu yang mengalami trauma dll).

Antara Jenis-jenis terapi alternatif

- **Terapi Lukisan**
- **Terapi Muzik**
- **Terapi Tanah Liat**
- **Terapi Psikodrama**



ASEAN NAVY CHIEFS MEETING

Di Wisma Perwira ATM



Kuala Lumpur – 23 Ogos 16. Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd Johari bin Baharum telah merasmikan Mesyuarat Ke-10 Panglima Tentera Laut ASEAN (ANCM) yang sedang berlangsung 22-25 Ogos 2016. ANCM pada kali ini bertemakan “Meningkatkan Interoperabiliti Operasi” bertempat di Wisma Perwira, Kuala Lumpur. Forum ini merupakan aktiviti tahunan yang dijalankan melalui perbincangan mesyuarat telah dihadiri oleh Panglima Tentera Laut ASEAN daripada 10 buah negara iaitu Brunei, Filipina, Cambodia, Indonesia, Myanmar, Malaysia, Laos, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Ini merupakan penganjuran kali kedua buat TLDM setelah tahun 2003. Komitmen yang serius di dalam kerjasama antara negara di Asia Tenggara menjadikan platform ini penting kepada TLDM dalam memastikan kedaulatan, keselamatan dan keamanan maritim sentiasa terpelihara. Dalam mesyuarat kali ini, TLDM akan membentangkan beberapa kertas kerja dalam konsep perkongsian maklumat kepada semua negara terlibat seperti Rondaan di Selat Melaka, Sea Basing, Program Transformasi Armada TLDM 15-ke-5 dan Peranan TLDM berkaitan Ancaman DAESH. Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin telah turut hadir pada acara perasmian dan mempergerusikan mesyurat sejurus acara perasmian selesai.





Majlis Pelancaran Pesawat

Pilatus PC-7



Alor Setar - Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein hari ini merasmikan Majlis Pelancaran Pesawat Pilatus PC-7 Mk II Batch III dan Helikopter EC 120B Serta Majlis Sambutan Hari Raya TUDM di Kolej Tentera Udara, Kepala Batas Alor Setar, Kedah.

Majlis yang bermula jam 4.00 petang turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari bin Baharum; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi; Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor; Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Roslan bin Saad TUDM merangkap Pengerusi Bersama Teras Kesiapsiagaan serta pegawai-pegawai kanan Tentera dan awam Kementerian Pertahanan.

Majlis pelancaran ini juga turut disaksikan oleh Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah, Exco Negeri Kedah, Ahli Parlimen, ADUN serta pemimpin masyarakat tempatan.

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah menerima perolehan 5 buah pesawat baru iaitu Pilatus PC-7 Mk II untuk tujuan latihan penerbangan asas di Pusat Latihan Terbang 1 (PULATIBANG 1), Kolej Tentera Udara, Alor Setar. Perolehan pesawat latihan ini bagi menampung penggunaan pesawat Pilatus PC-7 Mk II yang sedia ada dan juga pesawat Pilatus PC-7 Turbo Trainer yang akan ditamatkan perkhidmatannya. Pesawat ini diterima daripada Pilatus Aircraft, Switzerland yang membuat penerbangan dari Switzerland ke Kolej Tentera Udara, Alor Setar. Perolehan pesawat



telah dilakukan dalam dua (2) siri iaitu siri satu (1), sebanyak dua (2) pesawat baru diterima pada 3 Jun 2016 dan siri dua (2), sebanyak tiga (3) pesawat telah diterima pada 19 Julai 2016 menjadikan keseluruhannya lima (5) buah pesawat PC-7 Mk II yang menjadi tambahan kepada aset sedia ada di dalam inventori TUDM.

Pesawat EC 120B Colibri telah diperkenalkan ke dalam perkhidmatan TUDM pada 3 Disember 2015 menggantikan pesawat Alouette III yang telah tamat perkhidmatannya pada bulan Mac yang lalu. Sejumlah 5 buah pesawat akan digunakan sebagai pesawat latihan bagi pelaksanaan latihan penerbangan asas helikopter di Pusat Latihan Terbang 2 (PULATIBANG 2). Tiga (3) buah pesawat EC 120B Colibri telah pun diterima oleh Pusat Latihan Terbang 2 bermula Januari sehingga Mac 2016 seterusnya dioperasikan bagi kegunaan QHI Conversion dan dijangka tamat pada pertengahan Mei 2016 sebelum digunakan bagi tujuan kursus asas penerbangan helikopter. Pesawat EC 120B Colibri turut dinaik taraf menjadi pesawat yang bercirikan glass cockpit selari dengan keperluan latihan yang dirancang.

Airbus Helicopters EC 120B Colibri merupakan sebuah pesawat helikopter ringan yang unggul dan sesuai bagi menjalankan operasi dan latihan penerbangan bagi agensi-agensi keselamatan seluruh dunia. Reka bentuknya yang moden dikuasakan dengan enjin tunggal Turbomeca Arrius 2F yang mampu menghasilkan kuasa tujuan 504 hp serta mampu menjangkau kelajuan maksimum 151 kts dan jarak sejauh 441 nautical miles,

menjadikan pesawat ringan buatan Perancis ini cukup disegani dalam kelasnya. Pesawat EC 120B Colibri ini sememangnya diakui dan diyakini mampu memenuhi segala bentuk keperluan latihan penerbangan yang dirancang di Pusat Latihan Terbang 2 bagi memenuhi keperluan skuadron operasi dalam TUDM.

Dengan perolehan baru pesawat latihan penerbangan TUDM ini, ia turut mendukung perancangan Hala Tuju Kementerian Pertahanan yang mana membuktikan transformasi TUDM ke arah peningkatan keupayaan latihan penerbangan bagi melahirkan bakal juruterbang TUDM yang berwibawa.

Selesai Majlis Pelancaran Pesawat Pilatus PC-7 MK II Batch III dan Helikopter EC 120B, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein turut meluangkan masa beramah mesra bersama-sama warga TUDM di Majlis Sambutan Hari Raya TUDM. Seramai kira-kira 2,000 warga TUDM hadir memeriahkan sambutan Hari Raya TUDM yang diadakan di Wisma Ahli Udara, Kolej Tentera Udara.



Karnival Usahawan Veteran ATM

Pertama di Miri, Sarawak



Karnival yang diadakan pada 8-10 April 2016 ini merupakan anjuran JHEV, PVATM dan PERHEBAT. Ia dirasmikan oleh YB Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, karnival ini buat julung kalinya di anjurkan di Miri, Sarawak bagi memberi peluang dan pendedahan kepada usahawan di luar Semenanjung.

Dalam majlis sama, PERHEBAT turut memeterai MoU bersama tujuh agensi/syarikat; Universiti Malaysia Sarawak, Yayasan Peneraju, Sime Darby Plantation, Destini Berhad, Defence Technology Sdn Bhd, Weststar Group dan Zetro Services Sdn Bhd.

Menteri Pertahanan turut menyampaikan cek berjumlah RM80,000.00 melalui Skim Pembiayaan Bekas Tentera (SPBT) kepada Koperal Istab Mohamad (B), usahawan veteran ATM yang aktif dalam perniagaan perkhidmatan pembersihan.

PERHEBAT turut membawa 30 usahawan dari Semenanjung dan Sarawak untuk menyertai karnival ini.



Sime Darby Plantation

teruskan kerjasama dalam

Train & Place

Majlis pertukaran MoU antara PERHEBAT dan The Welding Institute (TWI), United Kingdom, disaksikan oleh YB Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein pada 27 Ogos 2016 di Pengerang, Johor.

Simbolik pertukaran MoU disempurnakan oleh Pengerusi PERHEBAT, Leftenan Jeneral Dato' Sri Abdul Aziz Ibrahim (B) dan TWI oleh Perunding Kanan, Dietmar Kok. Hadir sama, Ketua Pengarah PERHEBAT, Puan Liza Bakar.

Skop MoU : Train & Place kepada bakal pesara dan Veteran ATM, termasuk latihan dalam pelbagai bidang kemahiran industri terutamanya welding, blasting dan painting serta Non-Destructive Test (NDT).

Lebih 50 bakal pesara dan Veteran ATM telah menerima latihan daripada TWI yang mempunyai pusat latihan di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Sabah dan Sarawak.



KESIAPSIAGAAN

STRIDE merupakan pemacu Sains dan Teknologi Pertahanan, yang memberi penekanan terhadap aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan pertahanan di samping menerajui teknologi pertahanan dan keselamatan negara. STRIDE juga menyediakan perkhidmatan teknikal kepada industri pertahanan tempatan dan sektor pertahanan serta keselamatan negara. Dalam usaha memantapkan perkhidmatan sains dan teknologi pertahanan yang holistik bagi menjamin kelestarian sistem pertahanan, STRIDE mempertingkatkan fasiliti pengujian dan kepakaran yang menyumbang kepada pembangunan keupayaan perkhidmatan teknikal dalam bidang teknologi strategik pertahanan khusus (niche area) yang tidak ditawarkan oleh lain-lain agensi melalui program pemerksaan kepakaran dan keupayaan sains dan teknologi

PERKHIDMATAN PENGUJIAN ELECTROMAGNETIC COMPATIBILITY (EMC) DI INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE)

*Artikel & foto : Norkamizah Binti Mohd Nor,
Zariyah Binti Ariffin, Nor Hafizah Binti Mohamed &
Mohamad Ismail Bin Haji Ali*

pertahanan strategik (niche area). Program Pengujian EMC adalah salah satu daripada hub pengujian yang dibangunkan bagi mendokong usaha ini. Dewasa ini, terdapat penggunaan pelbagai kelengkapan atau peranti elektrik dan elektronik dalam sistem aplikasi ketenteraan dan ianya telah meningkatkan kebarangkalian atau kemungkinan wujudnya gangguan elektromagnetik (electromagnetic interference; EMI). Gangguan EMI ini seterusnya menjadikan keberkesanan operasi sistem komunikasi dan persenjataan pertahanan ketenteraan.

Pengujian EMC ke atas kelengkapan / peranti elektrik dan elektronik adalah amat penting bagi memastikan suatu sistem itu tidak menyebabkan gangguan terhadap sistem yang berdekatan, tidak terdedah kepada pancaran daripada sistem lain dan tidak terdedah kepada gangguan hasil pancaran daripada sistem itu sendiri.

Menyedari impak negatif ini, STRIDE telah membangunkan fasiliti kebuk EMC dan menjalankan pengujian yang mematuhi piawaian tentera seperti Mil-Std 461, Rev E and F (Requirement for Subsystems and Equipment) and Mil-Std-464 Rev C (Requirement for System). Prosedur pengujian yang memenuhi piawai ketenteraan juga telah berjaya dibangunkan.

Tim projek yang terdiri daripada pegawai penyelidik STRIDE, Tentera Darat (pengguna) dan Deftech Sdn. Bhd. telah menjalankan dan mengesahkan kebolehupayaan sistem elektronik dan komunikasi yang dipasang oleh syarikat pembekal ke atas kenderaan berperisai AV8. Berdasarkan analisis dan taksiran terhadap tahap keterukan (severity assessment) sistem, tim projek telah menyarankan dan menyenaraikan cadangan penambahbaikan yang perlu dipertimbangkan. Melalui





beberapa siri bengkel yang disertai oleh Tim projek, sebanyak 34 prosedur pengujian telah dibangunkan dan digunakan dengan jayanya. Pelbagai cabaran telah dihadapi dalam membangunkan prosedur pengujian ini, cabaran utama yang dihadapi adalah untuk menyediakan prosedur pengujian Bit Error Rate (BER) disebabkan kekangan peralatan dan perisian yang hanya dimiliki oleh pihak OEM. Anggaran kos perolehan peralatan pengujian Bit Error Rate (BER TESTER) ini dianggarkan melebihi Ringgit Malaysia Satu Juta (RM 1,000,000.00). Bagi mengatasi masalah ini, tim projek secara inovatif dan kreatif telah mengubahsuai prosedur pengujian sedia ada berdasarkan kaedah pengujian Link Test menggunakan Built in Test (BIT) dalam digital radio untuk menggantikan penggunaan BER TESTER. Dengan pengubahsuain yang telah dibangunkan, pengujian BER telah berjaya dilaksanakan dan kekangan kekurangan peralatan berjaya diatasi. Nilai tambah hasil inovasi perkhidmatan EMC ini adalah dari segi penjimatkan kos, pengujian EMC yang dilaksanakan oleh STRIDE jelas dapat menjimatkan kos berbanding dengan bayaran perkhidmatan pengujian yang dilaksanakan oleh OEM. Dari segi penjimatkan masa pula, pengujian EMC yang dilaksanakan oleh STRIDE semestinya dapat mengurangkan masa menunggu tersebut. Oleh itu, pihak kerajaan dan industri pertahanan tempatan tidak perlu bergantung kepada syarikat Original Equipment Manufacturer (OEM) yang berpusat di luar negara. Pengujian boleh terus dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan pelanggan. Ini kerana prosedur pengurusan logistik tempatan adalah lebih cepat dan mudah berbanding dengan apabila melibatkan pihak luar negara. Secara keseluruhannya, pengujian mengambil masa dari lima belas (15) hingga tiga puluh (30)



hari bergantung kepada kompleksiti sistem varian AV8 yang diuji. Tahap kepuasan pelanggan juga amat memuaskan. Pelanggan utama STRIDE yang menggunakan perkhidmatan pengujian EMC adalah industri pertahanan tempatan, mereka amat berpuas hati dengan perkhidmatan pengujian yang disediakan.

Justeru itu, melalui pengoptimuman sumber sedia ada seperti fasiliti, peralatan, kepakaran dan pengalaman, STRIDE telah berjaya membangunkan prosedur-prosedur pengujian Electromagnetic Compatibility (EMC) bagi sistem elektronik pertahanan dan komunikasi kenderaan ketenteraan. Peningkatan keupayaan ini telah berjaya meningkatkan keupayaan pertahanan berdikari (self-reliance) dan meminimakan kebergantungan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya dan industri pertahanan tempatan amnya kepada khidmat pengujian EMC oleh pihak OEM. Pengaliran keluar wang negara juga dapat dikurangkan dan yang paling penting kerahsiaan maklumat berkaitan keupayaan aset pertahanan dan keselamatan negara akan lebih terjamin.





KLIK... KLIK!!

Hari Sukan BSKN





KLIK...
KLIK!!

HARI SUKAN NEGARA





Encik Maniam a/l Arumugam (Setiausaha Bahagian Kewangan) menerima sijil daripada YB Menteri Pertahanan bagi Tempat Pertama Anugerah Pejabat Terbaik



Wakil daripada Bahagian Akaun menerima sijil bagi Tempat Kedua Anugerah Pejabat Terbaik



Puan Siti Normah binti Abdul Aziz (Setiausaha Bahagian Pentadbiran) menerima sijil daripada YB Menteri Pertahanan bagi Tempat Ketiga Anugerah Pejabat Terbaik

ANUGERAH PEJABAT TERBAIK 2016

Kuala Lumpur, 25 Okt 2016 - Bahagian Kewangan telah merangkul Tempat Pertama Anugerah Pejabat Terbaik 2016 Kementerian Pertahanan. Manakala Bahagian Akaun dan Bahagian Pentadbiran masing-masing memenangi Tempat Kedua dan Ketiga.

Anugerah tersebut disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan semasa Perhimpunan Bulanan yang berlangsung di Dewan Perkasa Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia.

Pada majlis yang sama, YB Menteri Pertahanan turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Tandas Terbersih. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah dinobatkan sebagai pemenang Tempat Pertama iaitu Tandas Wanita KOR D di Tingkat 2. Manakala Tempat Kedua dan Ketiga dimenangi oleh Bahagian Kewangan (Tandas Wanita KOR C Tingkat 7) dan Bahagian Pentadbiran (Tandas Lelaki KOR A Tingkat Bawah).

Anugerah Pejabat Terbaik dan Pertandingan Tandas Terbersih ini merupakan salah satu usaha bagi memupuk budaya organisasi berprestij tinggi di kalangan Warga MinDef. Ianya adalah selaras dengan amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang tidak asing lagi kepada semua kakitangan Awam dan Tentera di Kementerian Pertahanan.



MINDEF CEMERLANG PADA ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM 2016

Anugerah Inovasi Sektor Awam atau AISA merupakan anugerah di peringkat kedua tertinggi (second tier) bagi mengiktiraf agensi sektor awam yang berjaya menampilkan pelbagai penyelesaian kreatif dalam bidang pengurusan utama. Fokus pengiktirafan AISA adalah empat bidang kursus pengurusan awam yang dikenal pasti sebagai kritikal dalam jentera transformasi kerajaan iaitu Pengurusan Kewangan, Pengurusan Teknologi Maklumat & Komunikasi, Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pentadbiran Daerah & Tanah.

Bagi mewakili Kementerian Pertahanan, TLDM telah menghantar sebanyak dua projek iaitu Electronic Transfer Claim dari Markas Angkatan Kapal Selam dan projek Interface Bill (i-bill) dari Bahagian Materiel Mk TL untuk bertanding dalam bidang pengurusan kewangan AISA Tahun 2016. Selain itu, projek-projek lain yang turut bertanding adalah:

- * TUDM - Projek Contract Monitoring System (CMS) berfungsi memantau baki had bumbung semua kontrak senggaraan dan perolehan alatganti pesawat dan Alat Bantuan Khas Udara.
- * TDM - Projek Bekalan Kawalan & Kira-Kira bertujuan memudahkan dan melancarkan perancangan pembelian dan perolehan peralatan logistik.

Projek I-Bill - TLDM dan projek CMS - TUDM telah berjaya dipilih sebagai finalis namun mereka gagal dinobatkan sebagai juara bagi pertandingan kali ini. Justeru, kesemua tim finalis turut dijemput ke Majlis AISA 2016 yang telah diadakan di Hotel Marriot Putrajaya pada 15 Disember yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Kepada semua warga Kementerian Pertahanan baik awam maupun anggota tentera, ayuh kita teruskan ‘perjuangan’ para perwira kita ini dalam bidang inovasi. Kita tingkatkan lagi kualiti penyertaan dan persempahan pada pertandingan peringkat kebangsaan yang akan datang. Insya’Allah, Kementerian Pertahanan boleh jadi juara. Yeah! Tahniah kepada kesemua mereka yang mewakili Kementerian Pertahanan, terima kasih.

- Projek I-Bill bertujuan untuk menyelesaikan masalah pembayaran bil melebihi 14 hari yang berpunca daripada kesilapan dan kecuaian staf PTJ ketika mengunci masuk tarikh terima bil ke dalam Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik. Inovasi ini telah berjaya menentukan pembayaran bil yang lebih efisyen di mana kelewatan bayaran bil dapat dielakkan. Pembayaran bil yang cekap dan cepat telah memberi impak yang besar kepada pengurusan kewangan TLDM dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.
- Projek E-Trac merupakan inovasi permohonan tuntutan pindah secara atas talian (online) di mana ia dapat memastikan permohonan tersebut dapat diselesaikan dengan cepat dan tepat. Ianya juga dapat menjimatkan penggunaan kertas, kos pencetakan, utiliti dan upah tenaga kerja kerana proses pengiraan adalah tepat sepertimana kelayakan yang ditetapkan di dalam PMAT, laporan dapat dijana apabila diperlukan pada bila-bila masa. Di samping itu juga, tenaga kerja staf gaji dapat digunakan sepenuhnya untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan gaji tentera.



Program Latihan Khidmat Negara (PLKN 2.0) merupakan salah satu tumpuan Kementerian Pertahanan pada tahun ini di bawah teras 5 Hala Tuju Mindef 2016. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan PLKN 2.0 pada tahun 2016, Jabatan telah menyenaraikan 4 fokus utama yang perlu diberi keutamaan melalui Program Hala Tuju ini dan sehingga Oktober 2016, sebanyak 50 program telah dilaksanakan di bawah Teras PLKN 2.0.



FOKUS 1 : PELAKSANAAN PLKN 2.0

PLKN 2.0 dilaksanakan dengan konsep baru yang mejalinkan keperluan kemahiran dan kenegaraan tanpa menjelaskan matlamat asal program iaitu Cinta Negara, Perpaduan dan Kesukarelaan. PLKN yang baru dilaksanakan dalam 2 Fasa iaitu Fasa Pertama merupakan Program Pembelajaran Bersepadu (ILP) dan Fasa Kedua ialah Program Sijil Kemahiran Teknikal.

Pengambilan Pelatih

Pengambilan pelatih adalah secara sukarela dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia yang akan mencalonkan pelajar dari tingkatan 5. Perkara ini akan dilaksanakan secara berperingkat di mana pelaksanaan secara sepenuhnya pada tahun 2019.

Fasa 1

Fasa 1 iaitu Program Pembelajaran Bersepadu (ILP) akan mengambil masa selama 8 minggu penuh di Kem PLKN iaitu selama 2 bulan berbanding 3 bulan sebelum ini. Para pelatih akan di beri kemahiran insaniah melalui 8 modul baharu PLKN 2.0 iaitu Fit4life; Service Learning; I-Upgrade; Be Safe, Be Alert; Tech + Talk; Malaysiaku; Myfuture; dan Kerohanian.

Fasa 2

Fasa ke-2 ialah Program Sijil Kemahiran Teknikal. Program ini merupakan pilihan kepada pelatih PLKN yang berminat dan layak selepas tamat fasa 1 PLKN 2.0. Mereka akan ditawarkan untuk menyambung pengajian dalam bidang kemahiran samada di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) atau Institut Latihan

Kemahiran Swasta (ILKS) yang terpilih. Tempoh latihan adalah selama 3 hingga 36 bulan bergantung kepada bidang serta tahap pensijilan yang ditawarkan oleh institusi latihan kemahiran yang dipilih. Melalui pelaksanaan ini iaanya dapat menyumbang kepada keperluan pasaran kerja di Malaysia terutama dalam bidang kerja berkemahiran tinggi.

FOKUS 2 : MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN KEM DAN JURULATIH

Selepas pelaksanaan PLKN 2.0 tamat pada tahun semasa, jabatan akan mengoptimumkan kem dengan menawarkan kemudahan prasarana kem kepada agensi Kerajaan dan Swasta serta orang awam dimana ia akan membantu dalam penjimatan perbelanjaan agensi kerajaan dalam sewaan prasarana. Selain itu, pegawai lantikan kontrak Kem-kem PLKN diberi penempatan secara pentadbiran di bahagian bawah Kementerian Pertahanan dan Ibu Pejabat JLKN bagi memenuhi keperluan penyandang dengan mengoptimakan Sumber Manusia serta selaras dengan kepentingan Perkhidmatan Awam.

Pihak Jabatan juga menitikberatkan keselamatan serta persekitaran kem-kem PLKN dengan menaiktarafkan kem mengikut Garis Panduan Minima (SOC) 2008 pindaan 2013 serta kem yang kosong akan menjadi penempatan sementara mangsa bencana alam.

FOKUS 3 : MEMPERKASAKAN BRIGED SUKARELAWAH KHIDMAT NEGARA (BSKN)

Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) telah dilancarkan sejak tahun 2012, bertujuan untuk meneruskan kesinambungan PLKN serta mencapai visi PLKN itu sendiri iaitu melahirkan bangsa Malaysia yang unggul berteraskan cinta negara, perpaduan dan kesukarelaan.

Pada tahun 2016, jabatan memfokuskan untuk memperkasakan BSKN dengan menjadikan kembali bekas pelatih atau alumni PLKN untuk berdaftar menjadi ahli BSKN. Beberapa pengisian telah dilaksanakan, salah satunya Program



Reunion Jejak Alumni PLKN dilaksanakan pada bulan September hingga Disember 2016 bagi mengangkat martabat BSKN di mata masyarakat dan mengubah persepsi umum terhadap PLKN.

FOKUS 4 : PENGLIBATAN MASYARAKAT (SOCIETY ENGAGEMENT)

Pelan komunikasi media yang komprehensif dan mengoptimumkan penggunaan media arus perdana dan media sosial bagi mendekati tiga sasaran utama iaitu Pelatih / bakal pelatih; ibu-bapa; bakal majikan dan masyarakat melalui medium yang pelbagai seperti Media Elektronik, Cetak, Pameran dan lain-lain.

PLKN ditransformasikan pada tahun 2015 bagi menjadikannya lebih menepati kehendak dan jiwa generasi muda pada hari ini, namun masih mengekalkan agenda Cinta Negara, Perpaduan Kaum dan Kesukarelaan. Jalinan elemen kemahiran dan kenegaraan akan dapat membentuk modal insan yang dapat memenuhi keperluan industri negara dan pada masa yang sama memupuk semangat cintakan negara.





KSU MinDef (kiri) bersalaman dengan Panglima Logistik Pemerintahan Medan Barat, Brig Jen. Dato' Hashim bin Jabar

LAWATAN KSU KE SARAWAK TINJAUAN PROJEK BAIKPULIH RUMAH KELUARGA ANGKATAN TENTERA (RKAT) DI KEM PENRISSEN, KUCHING



Perasmian Bangunan MiDAS



KUALA LUMPUR, 22 Dis 16 - Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah merasmikan Bangunan Malaysian Institute Of Defence And Security (MiDAS) hari ini.

Projek pembinaan bangunan baru MiDAS yang dibangunkan di atas tapak Muzium ATM telah dimulakan pada 20 Nov 2014 dan sedia diduduki dalam bulan Jun 2016. Pada 22 Ogos 2016, MiDAS telah berpindah dan beroperasi sepenuhnya di bangunan baru ini.

Dalam majlis yang sama turut menyaksikan Majlis menandatangani MoU Pengajian Doktor Pengurusan antara Kementerian Pertahanan dan Universiti Malaya oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan YBhg Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi dan Naib Canselor Universiti Malaya Tan Sri Prof Dr. Mohd Amin bin Jalaludin.

Pemeterai kerjasama pendidikan di antara Universiti Malaya dengan Kementerian Pertahanan ini adalah bagi memartabatkan ilmu pengetahuan di peringkat tertinggi iaitu pengajian kedoktoran dalam usaha melahirkan sumber manusia yang lebih cemerlang dikalangan warga kementerian.



Cerita Mindef Sabah

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015 & JASAMU DIKENANG 2016



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang merupakan acara tahunan bagi MinDef Sabah untuk mengiktiraf kakitangan awam dan pesara. Tahun 2016 juga merupakan kolaborasi pertama di antara MinDef Sabah dan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) sebagai usaha untuk mengoptimumkan perbelanjaan seperti yang disarankan oleh pihak kementerian demi kesejahteraan negara.

Majlis ini juga adalah untuk mengiktiraf kakitangan awam dan pesara yang telah berkhidmat dengan penuh tanggungjawab dan amanah selain berkhidmat bagi sesuatu tempoh yang lama. Selain itu, majlis ini merupakan platform dan peluang untuk beramah mesra serta mengenali pengurusan tertinggi MinDef dengan lebih ekslusif.

KURSUS TOUR TRAINING VOL.1/2016

Anjuran Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sabah

Kursus Tour Training vol.1 tahun 2016 diadakan sebanyak 4 siri sepanjang tahun 2016. Objektif kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan, ilmu dan kefahaman pegawai-pegawai awam dalam pelbagai bidang melalui perkongsian ilmu dan sesi dialog. Pada Tour Training siri 4, peserta kursus diberi pendedahan dan pengetahuan mengenai gaya hidup sihat dan pengambilan makanan yang seimbang serta memberi peluang kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk menyertai dan memahami aktiviti kecergasan dan komponen-komponen lain yang terlibat.



Cerita Mindef Sabah

TAKLIMAT & PERATURAN KUARTERS

DISAMPAIKAN KEPADA PENGHUNI YANG BERJAYA MENDUDUKI PERUMAHAN AWAM PANTAI TAMAN LOK KAWI



Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Nasyrah binti Jemaludin, Timbalan Pengarah (Pembangunan) kepada 50 kakitangan awam MinDef Sabah yang memohon Perumahan Kuarters Awam Lok Kawi. Taklimat merangkumi peraturan isu keselamatan yang berkaitan bagi penghuni yang layak patuhi selama berada di rumah tersebut.

Mesyuarat Penyelarasan Di Antara Kementerian Pertahanan Malaysia (Mindef) Cawangan Sabah & Sarawak Serta Penganjuran Temasya Sukan Borneo (Borneo Games) 2016

Mesyuarat Penyelarasan di antara Mindef Sabah dan Sarawak 2016 diadakan di Markas Wilayah Laut 2, Sepanggar Kota Kinabalu pada 26-28 Ogos 2016. Tujuan mesyuarat adalah untuk membincangkan isu bersama. Disamping itu, bersekali dengan mesyuarat diadakan satu perlawanan persahabatan yang meliputi beberapa jenis sukan yang telah dipersetujui bersama. Objektif Sukan Borneo ini adalah sebagai platform untuk mengeratkan silaturahim di antara kedua-

dua pasukan dan memberi ruang yang lebih terbuka untuk berkomunikasi dan berkongsi pandangan.



Lawatan KSU Ke Perumahan Awam Taman Pantai Lok Kawi

YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan sedang meninjau 23 unit rumah Kuarters Awam Taman Pantai Lok Kawi yang hampir siap sebelum penyerahan kunci rumah secara rasminya diberikan kepada kakitangan MinDef Sabah yang berjaya terpilih menduduki rumah kuarters tersebut.



Santapan Rohani...

INTEGRITI SIKAP AMANAH, JUJUR & BERTANGGUNGJAWAB

Menurut Kamus Dewan, integriti dapat difahami sebagai kejujuran dan ketulusan; keadaan sempurna dan utuh atau keutuhan. Manakala dalam konteks pentadbiran awam, integriti biasanya sering dihubungkaitkan dengan nilai-nilai amanah, jujur, kebolehpercayaan dan juga sentiasa memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri. Sebarang kerja yang dibuat hendaklah dilakukan dengan penuh ketulusan hati.

Pelan Integriti Nasional (PIN) yang diperkenalkan kerajaan bertujuan untuk merealisasikan hasrat wawasan 2020 iaitu menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri dengan membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

Sememangnya konsep integriti yang dilaksanakan dalam konteks pentadbiran kerajaan adalah sebuah prinsip yang bertepatan dengan ajaran Islam dan maqasid syariah (tujuan hukum syarak diturunkan). Al-Quran banyak sekali merakamkan perintah dan suruhan agar melaksanakan amanah, keadilan dan nilai-nilai luhur yang terkandung dalam takrifan integriti. Antara nas al-Quran yang membicarakan berkaitan sifat amanah dan jujur adalah seperti berikut:

1. Firman Allah SWT, mafhumnya:
 “Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”. (Al-Anfal:27)

2. Hadis Nabi SAW, mafhumnya:
 “Ada empat perkara, sesiapa yang melakukannya maka ia adalah seorang munafik yang tulen. Sesiapa yang

melakukan salah satu daripada empat perkara tersebut, maka ia mempunyai salah satu daripada sifat munafik, hingga dia meninggalkannya. (Empat sifat itu ialah) apabila dipercayai ia khianat, apabila bercakap ia dusta, apabila berjanji ia mungkir dan apabila bertengkar ia mengeneplikan kebenaran”. (Riwayat al-Bukhari)

Dalam hal ini, Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah menonjolkan gaya kepimpinannya yang beramanah. Sehingga pada suatu malam ketika beliau sedang tekun menyiapkan kerja-kerja rasminya dalam bilik istana, tiba-tiba salah seorang puteranya telah masuk untuk membincangkan suatu hal yang berhubung dengan urusan keluarganya. Setelah puteranya duduk, beliau terus memadamkan lampu yang berada di atas mejanya yang digunakan oleh beliau ketika beliau bekerja dan menggantikan lampu tersebut dengan lampu kepunyaannya sendiri kerana mereka mahu membincangkan hal-hal berkaitan kekeluargaan dan peribadi mereka, iaitu urusan yang tidak berkaitan dengan urusan rasmi kerajaan. Sifat yang ditonjolkan ini adalah sebuah sifat murni yang sememangnya menjadi intipati ajaran Islam. Sememangnya tidak syak lagi, sifat-sifat luhur yang terkandung dalam nilai integriti adalah merupakan akhlak Islami

dan bertepatan dengan ajaran Islam yang mesti dihayati oleh seluruh warga ATM.

Manakala dalam aspek pengukuhan integriti di kalangan warga ATM pula, aspek nilai-nilai murni juga memainkan peranan yang ampuh dalam pembentukan jati diri dan pengukuhan budaya integriti. Antara pendekatan nilai-nilai murni bagi mengukuhkan nilai integriti adalah seperti berikut:

1. Penghayatan Nilai Amanah

Perkara utama yang perlu difahami dan diperingatkan semula kepada seluruh warga ATM bahawa jawatan yang sedang disandang pada hari ini adalah sebuah amanah yang mesti ditunaikan sebaik mungkin. Perkara yang mesti diingat juga, amanah yang digalas ini tidak akan terhenti setakat di atas dunia ini semata-mata, sebaliknya akan dipanjangkan sehingga ke hari akhirat kelak di mana kita akan disoal oleh Allah Rabbul Jalil. Perkara ini dapat diperhatikan dalam sebuah hadis, mafhumnya:

“Bahawa itu adalah suatu amanah dan is di hari kiamat akan menjadi kerugian dan penyesalan, kecuali bagi orang yang mengambilnya dengan cara hak serta menuaikan kewajipan yang terpikul di atas bahunya”. (Riwayat Muslim)

2. Penghayatan Konsep Ihsan

Konsep ihsan adalah salah satu daripada konsep yang diajarkan oleh Nabi SAW kepada seluruh umat manusia. Konsep ihsan mengajar manusia supaya mengerti akan hakikat bahawa setiap masa dan ketika, seluruh manusia berada dalam pantauan dan pengawasan Allah SWT. Tidak kira di mana jua tempatnya, pastinya tidak akan terlepas daripada pandangan dan pemantauan Allah SWT.

Bahkan pantauan dan pengawasan Allah SWT meliputi segala amalan zahir dan niat serta lintasan hati. Sekiranya nilai ini dihayati sepenuhnya, sudah tentulah akan menerbitkan rasa takut dan gentar dalam jiwa di kalangan warga ATM untuk melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan prinsip agama dan apa jua perilaku yang bertentangan dengan undang-undang negara. Ini kerana setiap tindakan yang dilaksanakan pasti tidak terlepas daripada penilaian Allah SWT.



3. Penghayatan Kerja Sebagai Ibadah

Para ulama bersetuju untuk menyatakan bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan oleh manusia sekiranya menepati syarat-syarat berikut akan diklasifikasikan sebagai ibadah umum yang akan diganjari pahala kebajikan. Syarat-syarat tersebut seperti berikut:

- a. Pekerjaan tersebut mestilah pekerjaan yang harus dikerjakan menurut Islam.
- b. Perkerjaan yang disertakan dengan niat yang suci iaitu yang mengandungi objektif dan matlamat yang direndai Allah seperti mencari rezeki yang halal.
- c. Pekerjaan yang dilaksanakan dengan tekun dan cekap.
- d. Penglibatan pekerjaan yang menjaga prinsip-prinsip Syariah.
- e. Pekerjaan yang tidak menghalang pekerjanya daripada menuaikan kewajipan kepada Allah.

Warga ATM yang benar-benar mahu menjadikan kerjaya ketenteraan sebagai “modal” pahala buat bekalan di alam akhirat, sudah tentulah akan memastikan pekerjaan sehari-hari yang dilaksanakan benar-benar menepati syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas. Mereka akan memberikan penumpuan sepenuhnya kepada pekerjaan ketika berada di mana jua kedudukan dan penempatan yang ditentukan. Sudah pastilah juga mereka tidak mempunyai sebarang niat

lain dalam pekerjaan melainkan untuk mendapat pahala dan sebagai jalan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Zalzalah telah memberikan motivasi yang cukup sempurna dalam hal ini:

“Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam catatan amalnya) dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam catatan amalnya)”. (Al-Zalzalah:7-8)

Selain itu, pegawai dan anggota ATM yang menjawai nilai kerja sebagai ibadah akan berusaha untuk mengelakkan diri daripada terjebak ke dalam aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada rezeki pekerjaan mereka khususnya dalam aspek keberkatan. Secara prinsipnya, Allah SWT telah mengharamkan sebarang usaha untuk mendapatkan harta melalui cara yang salah. Firman Allah SWT, mafhumnya: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan cara yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”. (Al-Baqarah: 188)



4. Penghayatan Nilai Qanaah

Nilai qanaah juga merupakan salah satu nilai yang akan menjulang tinggi nilai integriti. Dalam ajaran Islam, qana'ah bermaksud menerima segala takdir dan ketentuan Allah setelah berusaha dan berikhtiar sedaya-upaya serta reda dan berasa cukup di atas segala pemberian-Nya.

Nilai qana'ah akan menyuntik budaya reda dengan segala pemberian Allah. Tidak kira sama ada nilai pemberian tersebut sedikit atau banyak, jika kadar tersebut adalah haknya, semuanya diterima dalam keadaan yang penuh lapang dada. Nilai ini amat penting untuk dihayati kerana dengan nilai inilah yang akan membenteng teguh jiwa dan hati seluruh insan daripada melakukan sebarang aktiviti yang bercanggah dengan agama dan undang-undang semata-mata muhul mencari "wang lebih" atau "duit tepi".

Di samping itu, nilai qanaah juga akan membenihkan perasaan syukur kepada Allah SWT atas nikmat yang telah dikurniakan. Firman Allah SWT, mafhumnya:

"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras". (Ibrahim: 7)

Nilai qanaah juga akan dapat mencegah nilai-nilai negatif dalam diri seperti iri hati, bongkak, dengki dan sebagainya. Nilai-nilai negatif seumpama inilah merupakan peluru-peluru syaitan yang membuka pintu kepada insan untuk melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan nilai integriti.

5. Pemerkasaan Iman Dengan Program Ibadah

Iman yang perkasa adalah kekuatan individu dan juga benteng teguh kepada apa jua perkara yang bercanggah dengan prinsip agama. Keimanan adalah asas penting kepada kehidupan seorang insan di atas dunia ini. Individu yang mempunyai iman yang mantap akan meletakkan

sepenuh naluri kehambaannya kepada Allah SWT dan akan sentiasa berusaha untuk melenturkan hati dan nafsunya supaya tunduk dan patuh kepada arahan Allah Maha Pencipta.

Sehubungan itu, kekuatan iman hanya dapat dijana dengan program-program ibadah seperti ibadah solat, puasa, zakat, sedekah, zikir dan sebagainya. Program-program ibadah inilah yang akan menjadi platform pembenihan iman dalam diri sekali gus menjadi komponen utama kepada pembentukan dan penyuburan integriti. Firman Allah SWT, mafhumnya:

"Sesungguhnya orang yang benar-benar beriman hanyalah orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang yang benar (pengakuan imannya)". (A-Hujurat: 15)

Aspek keinsanan dan nilai murni adalah merupakan komponen penting dalam pembentukan nilai integriti. Sikap amanah, jujur dan bertanggungjawab merupakan komponen integriti yang semestinya diamalkan secara istiqamah dan konsisten. Aspek ini mestilah diberikan penumpuan yang jitu selaras dengan anjuran agama yang menjadi perisai penting selain menjadi sumber kekuatan dalam untuk menolak segala anasir negatif. Pembudayaan integriti akan memanfaatkan diri kita di dunia dan di akhirat.

*Mej Mohd Ramizi bin Remli
Ketua Unit Penerbitan
Jabatan Arah KAGAT*

Program *Walk For Peace*



Program "Walk For Peace 2016" diadakan serentak seluruh dunia oleh para veteran dan bersempena Sambutan Hari Pahlawan 2016 diadakan pada, 21 September 2016 (Rabu), jam 7.45 pagi bertempat di Dataran Putrajaya berhadapan Istana Kehakiman, Putrajaya. Program ini disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Johari bin Baharum selaku Penasihat Program "Walk For Peace 2016".

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN TABUNG PAHLAWAN TAHUN 2016

Tarikh : 31 Julai 2016 (Ahad)
Masa : 2.30 petang
Tempat : The Royale Chulan
Kuala Lumpur

Majlis ini disempurnakan oleh Isteri Perdana Menteri, YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor. Turut hadir adalah Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari Bin Baharum.



JOM JADI PEKERJA ‘CEMERLANG’!

Untuk menjadi pekerja cemerlang, anda perlu bermula dari asas iaitu HATI dan NIAT anda.

1. Muhasabah apa niat kita bekerja.

NIAT

itu seperti SURAT.
Salah tulis ALAMAT
akan sampai salah TEMPAT.

Buat muhasabah diri, kaji untuk apa Anda turun setiap hari ke tempat kerja, adakah semata-mata hanya...

- a. Kerana hanya mahukan gaji?
- b. Kerana minat pada bidang kerja tu?
- c. Kedua-duanya sekali?

Ini kerana pada sesetengah orang, ada yang jadi malas, tak bersemangat, kerja main lepas tangan dan lebih suka tak ambil kisah, janji cukup bulan dapat gaji.

Jika itu adalah diri Anda, aspek yang lain akan turut serta seperti Disiplin, Komitmen, Fokus, Produktiviti, Performance, Kerjasama dan akhir sekali Mindset Positif untuk menjadi cemerlang dalam kerjaya.

Namun ada juga yang menjadikan tangga gaji sebagai ‘booster’ motivasi.

2.

**Kerja cemerlang - organisasi terbilang
Kerja temberang - organisasi tunggang langgang**

Kerja kerana orang - tidak dipuji rasa terbuang

Untuk menjadi pekerja cemerlang, Anda perlu komited sepenuhnya, rajin dan belajarlah kemahiran-kemahiran lain, lebih dari bidang tugas yang diperlukan. Ia menjadikan anda seorang yang ‘serba boleh’.

3. Komited




Menjadi proaktif dengan rajin membantu kawan-kawan lain tanpa mengharapkan sedikit pun balasan atau pujian. Ikhlas dari hati dan positif.

Tapi ingat, rajin biar kena tempatnya, nanti Anda akan dipergunakan ye.

Jangan ambil kisah kalau orang lain kata anda tunjuk rajin, tunjuk bagus. Biarkan saja. Itu semua ‘aura negatif’ yang menghalang anda menjadi baik. Itu kerjaya Anda dan katakan pada diri, bukan ‘mereka’ itu yang bayar gaji Anda.

4. Bijak membawa diri



Pekerja yang cemerlang adalah seseorang yang tahu membawa diri tanpa perlu menjadi mangsa pada politik di tempat kerja. Setiap tempat kerja pasti akan wujud sedikit ‘politik’. Skill komunikasi interpersonal amat penting di sini. Pembawakan diri yang sentiasa positif akan mampu menjadikan diri anda kelihatan hebat dan lebih fokus pada tugas.

Anda perlu bijak menyesuaikan diri dengan mengkaji attitude rakan-rakan sekerja Anda.

5.

Pekerja yang cemerlang sentiasa memajukan dirinya dan prestasi kerjanya.

Selain itu, dia akan sentiasa menambah ILMU, sama ada teori mahupun praktikal. Dia tahu apa yang perlu dipelajari dan tahu kemahiran apa yang perlu dikuasai. Minda lebih senang menangkap dan memahami apa yang Anda pelajari jika menumpukan hanya pada satu perkara dalam satu-satu masa, one thing at a time, step by step.

6. Hormat Semua Orang - Respek

Tak kira siapa juarakan satu tempat kerja dengan Anda, hormati dia dan cuba ceriakan dia, walaupun dia sekadar seorang mak cik cleaner. Setiap individu itu memiliki kelebihan masing-masing. Begitu juga dengan rakan sekerja. Lain kakitangan lain kemahiran, lain jawatan lain pengalaman. Masing-masing saling memerlukan. Respek itu penting!



7. Penampilan kemas, segak dan menarik

Ingat, persepsi dan ‘first impression’ orang lain amat penting dalam suasana kerja. Pekerja yang cemerlang sentiasa mempamerkan kemasan diri pada pakaian, gaya ketika bekerja, gaya jalan, gaya ketika makan, gaya berbual dan kemasan di ruang tempat kerjanya. Penampilan harus kelihatan ‘okay!’.

Anda juga boleh menilai attitude kerja seseorang itu malas atau rajin hanya dengan melihat meja kerjanya saja. Bersih, kemas, bersepadah, kreatif ataupun tunggang-langgang. Faktor kebersihan dan kemasan harus diambil berat walaupun ia dianggap ‘simple je’ oleh kebanyakan kita.

Beri komitmen pada kerja Anda sebaik mungkin dan jangan terlalu mengharap balasan atau pujian semata. Positifkan diri anda. Bekerjalah dengan penuh semangat demi menghasilkan sesuatu yang amat berbaloi kepada agensi anda. Jom Kita!



“Mix & Match”

Jangan Ambil Mudah...

Eksperimen bagi kaum lelaki. Selangkah ke almari pakaian anda, tarik mana-mana pakaian dan padankan ia bersama dan lihatlah bagaimana ia dapat disuai-padankan. Contohnya, pilih sehelai kemeja kerja dan sehelai seluar kerja kesukaan anda. Adakah kedua-dua memiliki warna yang sama? Seluar hitam, baju hitam? Seluar biru laut dan baju juga biru laut? Atau anda memilih seluar hitam dan baju biru?

Ingin ye, apabila anda ingin memilih padanan warna pakaian, **kontra adalah kekunci**. Jangan sesekali anda memilih padanan dari warna yang sama atau setara, ia akan membuatkan anda kelihatan ‘lucu’ dan ‘lemah’ dari aspek keterampilan diri. Lebih-lebih lagi jika anda bekerja di pejabat, ramai orang yang akan memerhatikan penampilan anda.

Tips padanan ini bukan hanya bagi padanan pakaian kerja, ia juga boleh diguna pakai bagi mencari padanan pakaian kasual. Jika anda memilih seluar jeans berwarna biru gelap, pastikan baju anda bukanlah dari warna yang sama atau hampir sama.

Jika anda memilih kemeja kerja yang bercorak jalur atau kekotak, pastikan seluar kerja anda tidak memiliki corak dan berwarna gelap. Padanan ini akan lebih menyerlahkan lagi mood corak pada kemeja anda seterusnya akan menjadikan anda kelihatan ‘lulus’ dari segi padanan pakaian.

Awas! Elakkan memilih kemeja berjalur, dan tali leher bercorak jalur dalam masa yang sama. Kemeja berjalur dan seluar berjalur dalam masa yang sama. Seluar kelabu cair, kemeja juga kelabu cair. Elakkan memilih rona warna yang berton dan warna baju yang hampir sama dengan warna kulit anda. Oh, tidak!

Usah takut untuk mengenakan kemeja dari warna-warna terang dan kemeja bercorak moden. Yang penting ia haruslah sesuai dengan kulit anda, sepadan dengan seluar kerja anda dan anda selesa. Serlahkan kelainan yang positif bagi memberikan mood kepada kakitangan di sekeliling anda. Anda juga harus positif terhadap padanan kemeja dari warna merah jambu, warna ungu atau warna jingga. Apa salahnya sesekali anda tampil berbeza. Dapatkan pandangan dan pendapat dari rakan-rakan sekeliling mengenai padanan warna pakaian anda seharian. Ia mampu memberikan anda ‘motivasi’ untuk tampil dengan lebih bergaya dan berketerampilan. Luangkan sedikit masa untuk berbincang mengenai ini. Belum cuba belum tahu!

Tiga tips untuk anda:

Lakukan Eksperimen 2. Tiada yang Susah, Tiada yang Cepat 3. Ceria & Positif selalu

Yang pasti apa yang perlu anda ingat dalam aspek ‘Mix & Match’ ini ialah **KONTRA**.

Mentafsir panduan

- Rajah di sebelah menunjukkan tiga jenis pakaian yang digunakan bagi setiap warna.
- Seluar merupakan asas bagi setiap pemilihan warna.
- Padanan gaya yang tiada di dalam senarai masih boleh dipraktikkan.
- Hampir setiap baju, seluar dan kasut dalam setiap kumpulan boleh dipakai bertukar ganti.

Kombinasi Warna Yang Cepat & Mudah



White OCB



Light Blue OCB



Pink OCB



Simple Pattern OCB



Simple Flannel



Tan Chinos



Dark Denim



Olive Chinos



Navy Chinos



Grey Chinos



White Sneaker



Navy Plimsol



CDB IN BEESWAX



Grey Sneaker



Tan Derbies



1



2



3



4



5



6



7



8



9



10



11



12



13



14



15

TANDA-TANDA AWAL PENYAKIT KENCING MANIS



Kencing manis merupakan salah satu daripada 10 penyakit pembunuhan utama di Malaysia selain dari strok / angin ahmar, tibi dan barah paru-paru. Statistik terbaru menunjukkan 17 peratus daripada penduduk di Malaysia menghidap /Diabetes Mellitus/ atau kencing manis.



Tanda-tanda @ simptom kencing manis

kadang-kadang terlalu sukar untuk dikesan sehingga pesakit tidak sedar mereka menghidapinya sehingga penyakit itu sampai ke tahap yang sangat serius. Oleh itu adalah penting untuk anda mengenal pasti tanda-tanda tersebut dan mendapatkan rawatan segera, bagi mengelakkan anda dari menjadi korban penyakit kencing manis.

Jenis-Jenis Kencing Manis

Terdapat DUA jenis penyakit diabetes yang utama iaitu Kencing Manis. Jenis 1 (/Diabetes Type 1/) dan Kencing Manis Jenis 2 (/Diabetes Type 2/).

- **Kencing Manis Jenis 1** - “Insulin Dependent Diabetes Mellitus” (bergantung pada Insulin)
 - Biasanya berlaku pada kanak-kanak dan remaja.
 - Biasanya badan tidak dapat menghasilkan insulin.
- **Kencing Manis Jenis 2** - “Non-Insulin Dependent Diabetes Mellitus”(tidak bergantung pada insulin)
 - Jenis yang paling biasa ditemui. Lebih daripada 90% penghidap diabetes adalah dari Jenis 2.
 - Biasanya dihidapi oleh orang yang berumur dan berat badan berlebihan.
 - Biasanya sel-sel badan tidak bertindak balas dengan baik terhadap insulin atau insulin yang dihasilkan tidak mencukupi.

Terdapat salah faham yang mengatakan kencing manis Jenis 2 adalah kurang serius berbanding Jenis 1, mungkin kerana pesakit Jenis 1 perlu menyuntik diri sendiri dengan insulin. Sebenarnya kedua-dua jenis adalah serius jika tidak diurus dengan baik.

Simptom-Simptom Kencing Manis

Berikut adalah 10 tanda-tanda umum penyakit kencing manis yang anda boleh perhatikan. Tidak semua orang akan mengalami semua gejala berikut dan bagi mereka yang mengalaminya biasanya ianya tidaklah teruk. Ramai pesakit yang menghidapi

kencing manis Jenis 2 tidak menyedariinya selama bertahun-tahun kerana tanda-tanda awalnya kurang ketara.

Doktor boleh melakukan ujian yang mudah untuk menilai risiko kencing manis anda. Berdasarkan keputusan yang diperolehi, anda boleh mendapatkan rawatan serta membuat perubahan kepada gaya hidup anda sebelum ianya terlambat.

Tanda Kencing Manis

10 Tanda-Tanda Umum Penyakit Kencing Manis

1. PARAS GULA DARAH TINGGI

Cara terbaik untuk memeriksa tahap gula dalam darah anda adalah dengan dibuat ujian oleh doktor anda. Selepas anda memakan makanan, tahap gula darah secara semulajadi akan meningkat. Walau bagaimanapun, tahap gula darah yang tinggi secara berterusan sepanjang hari adalah tidak normal.

2. DAHAGA YANG BERLEBIHAN DAN KERAP KENCING PADA WAKTU MALAM

Kerap ke bilik air di waktu malam diikuti dengan dahaga yang berlebihan pada boleh menjadi gejala diabetes. Dahaga yang berlebihan ini tidak hilang walaupun setelah meminum air yang mencukupi sebelum tidur.

Apabila terdapat terlalu banyak glukosa dalam darah, buah pinggang anda bekerja lebih keras untuk menghilangkan gula tambahan tersebut. Ini memaksa anda membuang air kecil, kadang-kadang beberapa kali pada waktu malam. Selepas badan anda kehilangan air dan ia akan membuat anda rasa lebih dahaga.

Ia adalah cara badan anda menguruskan gula dalam darah yang tinggi. Dahaga yang berlebihan bermakna badan anda sedang cuba untuk menambah cecair yang hilang.

3. HILANG BERAT BADAN SECARA TIBA-TIBA

Tahap gula dalam darah yang tinggi boleh menyebabkan kehilangan berat badan yang cepat, disekitar 2-3 kg dalam masa



7. TERDEDAH KEPADA JANGKITAN KULAT

Wanita khususnya, perlu berhati-hati untuk jangkitan yis (candida pada faraj). Diabetes melemahkan imunisasi, ini bermakna anda mudah mendapat pelbagai jangkitan, yang paling biasa ialah yis (candida) dan jangkitan kulat yang lain.

8. PENGLIHATAN KABUR

Apabila glukosa dalam darah adalah tinggi, ia mengubah bentuk kanta dan mata, menyebabkan penglihatan kabur.


Walau bagaimanapun ia akan kembali kepada asal apabila tahap gula dalam darah kembali normal atau hampir normal. Gula dalam darah yang tinggi, sekiranya dibiarkan untuk tempoh yang panjang akan menyebabkan kerosakan kekal, mungkin juga buta.

9. SENSAJI PADA TANGAN DAN KAKI

Kesemutan, kebas, kesakitan membakar atau Bengkak pada tangan dan kaki - ini adalah tanda-tanda bahawa saraf dirosakkan oleh kencing manis. Sama seperti penglihatan, jika tahap gula darah dibiarkan tinggi terlalu lama, kerosakan saraf juga akan kekal.

10. KULIT MERENGSA

Ini boleh menjadi tanda amaran kencing manis atau masalah kulit yang lain seperti /acanthosis nigricans. Kulit di sekitar leher atau bahagian ketiak menjadi gelap. Pada tahap ini seseorang itu sudah mula mengalami proses penentangan insulin walaupun gula dalam darah mereka mungkin tidak tinggi.



dua atau tiga bulan. Sesetengah orang mungkin gembira tetapi ini bukanlah kehilangan berat badan yang sihat <<http://www.malaysiatercinta.com/2015/05/kalkulator-dan-formula-bmi-body-mass.html>>.

Oleh kerana hormon insulin yang tidak membekal glukosa ke dalam sel-sel di mana ia boleh digunakan sebagai tenaga, badan menganggap ia kelaparan lalu menguraikan lemak pada otot sebagai sumber tenaga alternatif.

4. SENTIASA RASA LAPAR

Apabila pesakit kencing manis tidak mempunyai insulin atau tidak bertindak balas terhadap insulin seperti kebiasaan, glukosa tidak dapat diproses oleh badan seperti biasa, lalu menyebabkan tahap gula dalam darah jatuh.

Apabila tahap gula dalam darah menurun secara tiba-tiba, badan menganggap bahawa anda kelaparan dan memerlukan lebih glukosa untuk berfungsi. Isyarat ini diterjemahkan oleh badan sebagai rasa lapar.

5. LUKA LAMBAT SEMBUH

Ini adalah tanda klasik kencing manis. Ia berlaku kerana saluran darah dirosakkan oleh glukosa yang berlebihan bergerak di dalam urat dan arteri. Ini menyukarkan darah yang diperlukan untuk membantu penyembuhan untuk sampai ke anggota-anggota badan.

6. KELETIHAN DAN CEPAT MARAH

Kekurangan glukosa akan membuat anda letih. Bangun tidur untuk pergi ke bilik air beberapa kali pada waktu malam juga akan membuat anda letih kerana ia mengganggu tidur anda. Sememangnya, letih sepanjang masa akan membuat sesiapapun cepat marah.

Pertandingan Kraftangan BAKAT ATM 2016

Pertandingan Kraftangan BAKAT ATM telah diadakan pada 2 Nov 16 di Wisma Perwira ATM dan telah dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah dan disaksikan oleh YBhg Puan Sri Dato' Hajah Umi Kalsom binti Wan Awang, Pengurus Jemaah Tertinggi BAKAT ATM. Pertandingan ini telah dianjurkan dengan jayanya oleh BAKAT Laut. Objektif penganjuran pertandingan ini adalah untuk menguji daya kreativiti, kemahiran dan kesabaran seseorang ahli BAKAT dalam mencipta sesuatu kraftangan. Di samping itu, bakat-bakat yang terpendam di kalangan ahli-ahli BAKAT ATM dapat dikenalpasti hasil daripada penganjuran pertandingan sebegini. Pertandingan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Pameran terdiri daripada sulaman benang pada 'doily', sulaman reben pada table runner dan sulaman manik pada sarung kusyen. Kategori kedua adalah Kategori Gubahan Spontan yang terdiri daripada gubahan sireh junjung, menghias bekas hantaran dan membuat bunga pahar.



Lawatan Ke Kompleks Kraf

Lawatan ke Kompleks Kraf telah dianjurkan oleh BAKAT ATM pada 2 Mac 16 di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Kuala Lumpur. Program ini melibatkan Pengurus Jemaah Tertinggi BAKAT ATM dan Ahli-ahli Jemaah Tertinggi BAKAT ATM. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada ahli-ahli BAKAT melihat sendiri kepelbagaiannya produk kraftangan tradisi mahupun moden kontemporari seperti



cenderahati, hiasan dalaman, perhiasan diri, fesyen tekstil terkini, produk hiasan laman dan taman mahupun kegunaan harian melalui pameran yang telah disediakan di Kompleks Kraf.



Penglibatan BAKAT ATM Dalam Perbarisan Hari Merdeka Ke-59

31 Ogos 16 seramai 100 ahli BAKAT ATM telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam perbarisan sempena Hari Kebangsaan Ke-59 di Dataran Merdeka. Pada tahun ini, BAKAT ATM bersama PUSPANITA dan PERKEP di dalam kontingen yang sama iaitu Kontingen Persatuan Suri. Objektif penglibatan ahli-ahli BAKAT ATM adalah untuk memupuk semangat cintakan negara, menerapkan semangat kerjasama, setiakawan serta pemantapan daya ketahanan dari segi mental dan fizikal. Penglibatan ahli-ahli BAKAT ATM dalam perbarisan ini merupakan satu penghormatan daripada pihak kerajaan.



Puspanita

Lawatan Sambil Belajar Ke Percetakan Nasional Malaysia Berhad



Biro ICT, Publisiti & Seranta PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur pada 21 September 2016. Rombongan 38 ahli PUSPANITA diketuai oleh Pengurus, YBhg Datin Sri Zahrah bt Che Hussain dan Timbalan Pengurus II YBhg Datin Siti Mariam bt Hj Mohd Yusoff.

Lawatan ini memberi pendedahan kepada ahli mengenai PNMB yang telah ditubuh pada tahun 1888, mengenali mesin dan proses percetakan, penjilidan dan melihat sendiri kecanggihan teknologi terkini percetakan dokumen. Ahli rombongan telah diberi peluang memasuki Zon Digital yang merupakan restricted area.

Selain menimba ilmu mengenai peranan PNMB, lawatan ini juga telah membuka jalinan silaturahim antara ahli dan kemesraan PUSPANITA MinDef dengan warga PNMB.



MAJLIS SEHARI BERSAMA TASKA PERMATA PUSPANITA



Biro TASKA telah menganjurkan Majlis Sehari Bersama TASKA PERMATA PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan pada 28 Oktober 2016, yang telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha dan turut dihadiri ahli mesyuarat MPT serta ibu bapa kanak-kanak.

Kanak-kanak berbaris menyambut Hari Kemerdekaan, Hari Kanak-kanak Sedunia dan Majlis Graduasi. Mereka bekerjasama baik menunjuk bakat menari dan menyanyi.



PANGLIMA TENTERA DARAT KE-26

Tahniah

JENERAL DATUK SERI ZULKIPLE KASSIM!

KUALA LUMPUR, 16 Disember : Jeneral Datuk Seri Zulkiple Kassim,57, secara rasminya telah dilantik sebagai Panglima Tentera Darat ke-26. Beliau dilantik bagi menggantikan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor.

Majlis Serah Terima Tongkat Kuasa itu berlangsung di Dataran Panglima Tentera Darat di Kem Perdana Sungai Besi di sini. Beliau yang sebelum ini menjawat jawatan Panglima Medan Barat Tentera Darat selama kira-kira enam tahun menggantikan Raja Mohamed Affandi, 59, yang dilantik sebagai Panglima Angkatan Tentera Malaysia ke-19.

Sebelum ini, Zulkiple turut memegang beberapa jawatan penting dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) antaranya menjadi penasihat ketenteraan Kementerian Pertahanan pada 1998, Pengarah Ifantri (2001) serta Ketua Pengarah di Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (2005).

Beliau berhasrat untuk mengekalkan tahap profesionalisme di kalangan anggotanya. Amanah ini akan dipegang dengan penuh integriti dalam melaksanakan setiap tugas dan tanggungjawab.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Panglima Tentera Darat Lt Jen Datuk Seri Panglima Ahmad Hasbullah Mohd Nawawi, Panglima Medan Barat Tentera Darat Lt Jen Datuk Azizan Md Delin dan Panglima Medan Timur Tentera Darat Lt Jen Datuk Mohd Zaki Mokhtar.



- **Mula Berkhidmat dalam Tentera Darat pada 7 April 1978 selepas menamatkan pengajiannya di Akademi Tentera Diraja Sandhurst, England.**
- **Lulusan dari Defence and Strategic Studies Course di Army Command and Staff College, Australia.**
- **Berpengalaman lebih 38 tahun dalam pasukan**
- **Memiliki Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan) dari Universiti Utara Malaysia.**



Perbarisan Persaraan Panglima Tentera Udara ke-17, YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Roslan bin Saad TUDM

- Pangkalan Udara Subang
- 21 Disember 2016



YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Roslan bin Saad TUDM bersama isteri YBhg Puan Sri Datin Sri Khairani binti Mohd Zain telah dibawa berarak dengan menggunakan pesawat pejuang FA-18D dan diiringi bersama oleh Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai dan anggota-anggota TUDM menuju ke pesawat helikopter AS-61N1 untuk diterbangkan bagi meninggalkan Pangkalan Udara Subang.

Istiadat perbarisan ini turut menyaksikan Upacara Pemakaian Pangkat "Jeneral TUDM" kepada YBhg Lettenen Jeneral Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM yang mengambil alih tugas secara rasmi

daripada YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Roslan bin Saad TUDM sebagai Panglima Tentera Udara ke-18.

Istiadat ini sebagai penghormatan terakhir oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) khusus kepada YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Roslan bin Saad TUDM yang akan bersara dari perkhidmatan pada 27 Mei 2017 selepas 42 tahun menabur bakti di dalam perkhidmatan ATM khususnya TUDM.

Persaraan Jeneral Tan Sri Dato' Sri Roslan bin Saad TUDM telah menyaksikan satu lagi kehilangan besar sebutir permata berharga TUDM yang sukar dicari ganti.



PEMBIAYAAN EKSPRES UNTUK ANGGOTA KOPERASI TENTERA



EKSPRES 2 (Tanpa Borang)
RM10,000
Pembiayaan sehingga 60 BULAN

Anggota boleh mengunjungi mana-mana cawangan Koperasi Tentera berdekatan untuk menghantar permohonan dengan membawa bersama My Tentera dan Penyata gaji asal terkini.

* Tertakluk kepada terma dan syarat

Untuk maklumat lanjut sila hubungi kami di talian 03-40272600 atau emel kepada customercare@katmb.com.my



**KOPERASI
TENTERA**

www.katmb.com.my

TAHUKAH ANDA?

Bila kita sebut mengenai Tentera Darat, kebanyakan awam lebih mengenalinya dengan ‘trademark’ rasmi seperti pakaian seragam warna hijau, celoreng, aset-asetnya seperti kereta perisai, meriam, trak tiga tan, dan lain-lain. Tapi tahukah kita bahawa Tentera Darat Malaysia ini sebenarnya mempunyai kor-kor tertentu iaitu sebanyak 16 kor kesemuanya yang mana memiliki peranan dan bidang tugas masing-masing.

Fungsi Kor/Rejimen Tentera Darat

Fungsi dan peranan mereka adalah berbeza berdasarkan tugas dan kepakaran. Justeru, berdasarkan kepada kepakaran, maka Kor dan Rejimen ini dibahagikan kepada TIGA (3) kelompok iaitu:

Kelompok Tempur - Kelompok ini melibatkan anggota dan sistem tempur yang berada di hadapan sekali (barisan hadapan) dalam peperangan. Kelompok ini terdiri daripada Kor dan Rejimen seperti RAMD, RRD, RS dan KAD:

Kelompok Bantuan Tempur - Kelompok kedua ini terdiri daripada anggota dan sistem tentera yang membantu Kelompok Tempur secara langsung di dalam peperangan. Ianya terdiri daripada Kor dan Rejimen seperti RSD, RAJD, RAD, KPTD dan KRD:

Kelompok Bantuan Perkhidmatan - Peranan kelompok ini adalah untuk membantu Kelompok Tempur dan Bantuan Tempur dalam aspek perkhidmatan logistik dan senggaraan serta perkhidmatan lain yang berunsur pentadbiran. Ia mengandungi Kor dan Rejimen seperti KJLJD, KPA, KPD, KOD, KKD dan KAGAT:

Askar Wataniah - Rejimen Askar Wataniah adalah Rejimen yang dianggotai oleh para sukarelawan. Mereka ini adalah barisan kedua di dalam mempertahankan Negara. Kemahiran anggota adalah standing dengan anggota tetap, malah ada memiliki kepakaran tertentu seperti telekomunikasi, perbekalan air, pengendalian pelabuhan dan pengendalian keretapi.



TENTERA DARAT DIRAJA
MALAYSIA



REJIMEN ASKAR
MELAYU DIRAJA (RAMD)



REJIMEN RENJER
DIRAJA (RRD)



KOR ARMOR DIRAJA
(KAD)



REJIMEN SEMBOYAN
DIRAJA (RSD)



REJIMEN ASKAR
JURUTERA DIRAJA (RAJD)



REJIMEN ARTILERI
DIRAJA (RAD)



KOR PERKHIDMATAN AM
(KPA)



KOR KESIHATAN DIRAJA
(KKD)



KOR POLIS TENTERA
DIRAJA (KPTD)



KOR RISIK DIRAJA (KRD)



KOR PERKHIDMATAN
DIRAJA (KPD)



KOR ORDINAN DIRAJA
(KOD)



KOR JURUTERA LETRIK
DAN JENTERA DIRAJA
(KJLD)



KOR AGAMA ANGKATAN
TENTERA (KAGAT)



ASKAR WATANIAH (AW)



GROUP GERAK KHAS
(GGK)



PAMERAN MARITIM DAN AEROANGKASA TERULUNG ASIA PASIFIK

21 - 25 MAC 2017

Dianjurkan bersama oleh:



Kementerian Pertahanan
Malaysia



Tempah ruang pameran anda segera.

Hubungi kami:

EN Projects Sdn. Bhd.

T +6 03 2011 7233

F +6 03 2011 7235

E sales@limaexhibition.com

[fb.com/lima.langkawi](https://www.facebook.com/lima.langkawi)

[@LimaExhibition](https://twitter.com/LimaExhibition)

[@lima_exhibition](https://www.instagram.com/lima_exhibition)

www.limaexhibition.com